

PAKATAN PERLU UMUM NAMA PM SEBELUM PRU

Malaysia Today

October 7, 2016

By admin-s

(Sinar Harian) – Presiden Parti Pribumi Bersatu (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin mencadangkan agar pakatan pembangkang mewujudkan barisan kabinet bayangan dan menamakan nama perdana menteri sebelum Pilihan Raya Umum akan datang.

Muhyiddin yang juga merupakan Ahli Parlimen Pagoh berkata, hal itu penting untuk memperlihatkan kepada rakyat bahawa gagasan pembangkang telah bersedia menerajui negara sekiranya mereka dipilih.

“Soal calon PM saya tak patut sebut, pasal saya tak nak nanti menggegarkan banyak pihak, saya fikir perkara ini ada di sebut dalam Perlembagaan untuk menjadi perdana menteri mereka seorang yang mempunyai sokongan dan keyakinan daripada ahli-ahli Parlimen.

“Kalaulah katalah Barisan (pembangkang) sini menang maka kita kena fikirkan siapa yang paling sesuai ataupun mungkinkah sebelum pilihan raya...ini bukan kepada saya, kepada semua presiden pemimpin parti yang bersama-sama bergabung untuk memutuskan siapakah bakal (PM),” katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, sudah sampai masa untuk pembangkang mengumumkan siapa yang akan menjadi perdana menteri jika BN berjaya dikalahkan.

“Saya sebut ini bukan atas keghairahan saya atau apa...pasal kalau sudah sampai masa kita boleh tawarkan kepada rakyat Malaysia sebuah kerajaan baharu, persoalan yang orang akan tanya siapa bakal PM.

“Maka isu soal kabinet bayangan bagaimana berlaku di negara lain akan timbul, siapa dia? BN kita tahu tapi, barisan pembangkang siapa dia? Kalau tak terjawab rakyat akan kurang pasti...tiada muafakat,” katanya.

Katanya, oleh itu pemimpin dalam barisan pembangkang perlu menyelesaikan perkara ini seawal yang mungkin.

“Pimpinan dalam muafakat baharu yang kita hendak bentuk ini mestilah menyelesaikan dan memutuskan seawal mungkin sebelum pilihan raya supaya rakyat tidak tertanya-tanya.

“Ia akan membantu kita dan rakyat agar lebih yakin daripada kita berunding selepas pilihan raya (sudah menang) itu tidak membantu untuk memberi keyakinan pengundi yang menyokong kita,” katanya.

Copyright (C) 2004 - 2016 Colourworks Design Limited. All Rights Reserved.

Source: <http://www.malaysia-today.net/pakatan-perlu-umum-nama-pm-sebelum-pru/>